

SKM, ANGKASA bantu koperasi

Pembangunan jayakan usaha jadi pengedar barang keperluan asas pada harga lebih murah

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) akan dipertanggungjawabkan untuk membantai koperasi yang dilantik sebagai pengedar barang keperluan asas pada harga lebih murah.

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) pula akan dipertanggungjawabkan dalam aspek pemasaran bagi koperasi yang dilantik atau digerakkan bagi tujuan berkenaan di seluruh negara.

Menjelaskan demikian, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar, berkata perkara itu diputuskan pada satu mesyuarat baru-baru ini susulan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang mahu melihat koperasi membantu menangani kenaikan harga barang.

Katanya, di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), terdapat banyak koperasi yang wujud, sama ada di bawah ANGKASA, SKM atau Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) yang boleh memainkan peranan penting membantu rakyat.

"Kita setuju dengan cadangan Perdana Menteri dan sudah ber-



Noh bersama (dari kiri) Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Suriani Ahmad; Timbalan Menteri MEDAC, Muslimin Yahaya dan Presiden Kumpulan/Ketud Pegawai Eksekutif SME Bank, Aria Putera Ismail (kanan) pada Majlis Pelancaran Pelan Antirasuah SME Bank 2021 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto SME Bank)

mesyuarat, selain melantik wakil kementerian untuk melaksanakannya secepat mungkin.

"ANGKASA akan main peranan dalam pemasaran, SKM akan biaya koperasi yang terbabit. UDA Holdings Berhad (UDA) juga akan main peranan untuk tujuan ini," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Pelan Antirasuah SME Bank 2021, di sini semalam, Noh berkata, melalui perbincangan yang diadakan sebelum ini, koperasi yang akan digerakkan bagi membantu rakyat nanti akan dibahagikan kepada tiga kategori.

"Kategori pertama jual barang

keperluan kering sahaja, kategori kedua pula jual barang kering dan basah, kategori ketiga satu koperasi yang lebih besar, iaitu melalui operasi pasar raya," katanya menambah, sekurang-kurangnya 500 koperasi untuk tujuan itu akan digerakkan di seluruh negara dalam tempoh terdekat.

"Kita akan wujudkan koperasi di masjid, taman perumahan serta perumahan awam, malah di institusi pengajian tinggi juga.

"Coop Mart pula akan digabungkan menjadi sebuah koperasi yang besar untuk memudahkan rakyat berbelanja dengan kos murah tidak lama lagi.

"Kita akan tubuhkan Coop Mart sekurang-kurangnya satu di setiap negeri dalam masa terdekat.

"Dua projek koperasi pertama untuk tujuan ini, masing-masing akan dilancarkan di Putrajaya dan Ampang dalam tempoh terdekat," katanya.

Pada 12 Disember lalu, Perdana Menteri menyarankan koperasi di seluruh negara membantu menangani masalah kenaikan harga barang bagi mengurangkan tekanan dan beban kewangan rakyat yang terkesan susulan pandemik COVID-19.

Dalam perkembangan lain, Noh mendedahkan ada usaha-

wan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terpaksa mengupah orang tengah atau perunding untuk mendapatkan pinjaman keuangan disebabkan kerentak birokrasi sesetengah bank.

Katanya, meskipun COVID-19 menjadikan ramai usahawan kecil, birokrasi bank masih berlaku dan menyulitkan usahawan sehingga memaksa mereka mengupah perunding, sama ada agensi berdaftar tertentu untuk tujuan mempercepatkan proses mendapatkan pinjaman.

"Ia ber kesan kepada usahawan kerana mereka terpaksa keluarkan sebahagian wang atau komisen kepada perunding dilantik.

"Saya begitu berharap bank mempercepat proses permohonan kerana difahamkan ada usahawan terpaksa menggunakan orang tengah atau perunding.

"Perunding ini mungkin dari agensi tertentu yang terpaksa digunakan untuk mempercepatkan proses (permohonan di bank). Mereka mungkin berniat baik, tetapi tetap akan kenakan caj kepada pemohon yang menggunakan khidmat mereka.

"Bank pula kononnya mengatakan perlu ada kertas kerja yang baik dan pengalaman tertentu. Biasanya (guna orang tengah) bila orang (pemohon) tak faham cara kerja, namun ada yuran dan cajnya," katanya menambah kecadah itu amat popular kerana didakwa boleh mempercepatkan kelulusan permohonan.

"Rupanya mereka (perunding) ada 'kaki di dalam' (bank). Jika datang (bank), mereka akan dilayan dengan cepat. Mungkin (pegawai bank) juga memperoleh komisen sikit sebanyak sebab membantu proses itu. Jika ada komisen, bermakna itu juga adalah unsur rasuah," katanya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA